

KERTAS 1

1 **B**

Ulasan: Kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah dalam sistem politik Melayu tradisional diperolehi melalui kesetiaan rakyat kerana rakyat perlu menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja di dalam sesebuah wilayah yang akhirnya akan memupuk kesetiaan kepada raja. Ini merupakan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu yang terdiri dari raja, undang-undang, wilayah pengaruh dan rakyat.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4

2 **A**

Ulasan: Kesultanan Melayu Melaka mempunyai Sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Sistem Pentadbiran ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan yang mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan pentadbiran kesultanan Melayu Melaka berjalan dengan lancar. Hal ini ditambah dengan kedudukan Melaka yang strategik menyebabkan Melaka menjadi tumpuan terutama dalam perdagangan

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

3 **B**

Ulasan: Novel, cerpen dan puisi daripada tokoh nasionalis digunakan sebagai cara untuk mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat. Hal ini memberikan impak kepada rakyat untuk menaikkan semangat bagi memahami realiti hidup yang dijajah. Contohnya karya Novel *Melor Kuala Lumpur* oleh Harun Aminurrashid. Manakala karya Raden Adjeng Kartini, *Hilang Gelap Terbitlah Terang* pula mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 30 & 34

4 **B**

Ulasan: Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara yang bersifat antipenjajah dan memperjuangkan kemerdekaan. Gerakan nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. Selepas itu, Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932.

Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31

5 **A**

Ulasan: Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyah. Antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama termasuklah persaingan kuasa imperialis, pembentukan pakatan ketenteraan dan konflik di rantau Balkan yang menyebabkan pembunuhan pewaris takhta Austri-Hungary oleh orang Serbia yang seterusnya menjadi faktor serta merta PD1.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54

6 **C**

Ulasan: Permusuhan antara kuasa Eropah membawa pembentukan pakatan ketenteraan seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Kewujudan pakatan ketenteraan menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah. Seiring dengan persaingan mendapatkan tanah jajahan dan sumber bahan mentah, negara dalam pakatan turut bersaing menghasilkan senjata moden dan sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54

7 **D**

Ulasan: Komunisme ialah suatu fahaman atau ideologi politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara. Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Mereka menulis karya *Communist Manifesto* dan *Das Kapital*.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146

8 **D**

Ulasan: Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada George Henry Hall, mendakwa baginda diperdaya oleh MacMichael. Beberapa orang raja mendakwa diugut supaya menurunkan tandatangan tanpa menyedari akibatnya. Raja-raja Melayu memohon British memansuhkan persetujuan yang ditandatangani itu.

Buku Teks Ting 4 m.s. 100

9 **A**

Ulasan: Orang Melayu menentang Kerakyatan *Jus Soli* kerana *Jus Soli* merupakan syarat warganegaraan berdasarkan tempat lahir iaitu seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf

sebagai warga Malayan Union. Kerakyatan ini akan menyebabkan ketidakseimbangan antara orang Melayu sebagai penduduk asal dengan orang bukan Melayu. Hal ini akan menyebabkan persaingan yang tinggi dengan orang asing kerana bukan sahaja disebabkan kerakyatan yang longgar tetapi juga kerana ciri Malayan Union yang mengurangkan kuasa rasa akan menyebabkan orang Melayu semakin terpinggir.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129

10 **B**

Ulasan: Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching menyebabkan taraf Sarawak sebagai negeri naungan British dimansuhkan. Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British selepas Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 108

11 **B**

Ulasan: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu seperti sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC). Persekutuan Tanah Melayu 1948 juga telah menjadi merintis kepada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 160

12 **C**

Ulasan: Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi. Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T.Newbould, Roland Braddell, W.Linehan dan Theodore Adams. British juga menyokong pembentukan PTM 1948 kerana dapat mengurangkan pengaruh golongan radikal. Hal ini dapat dilihat apabila British menolak cadangan daripada golongan radikal.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129 & 133

13 **D**

Ulasan: Di bawah Undang-Undang Darurat, kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 bagi mengawal pergerakan penduduk. Langkah ini diambil untuk memudahkan pihak keselamatan membezakan

orang awam dengan komunis. Di bawah peraturan tersebut, setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa. Orang awam dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 156

14 **B**

Ulasan: Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKMM dipimpin oleh Dr.Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti ini menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan “Merdeka”, PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172

15 **C**

Ulasan: Sistem Ahli dapat mengukuhkan perpaduan rakyat kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum. Misalnya Dato’ Onn Jaafar, E.E.C.Thuraisingham, Lee Tiang Keng, Tunku Yaacob ibni Sultan Abd.Hamid, Dato’ Mahmud Mat, Dato’ Nik Ahmad Kamil, H.S.Lee, dan Dr. Ismail Abdul Rahman.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

16 **B**

Ulasan: Sistem Ahli merupakan satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat. Ahli bertaraf “Menteri” dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan. Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP. Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dan diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

17 C

Ulasan: Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihan raya Umum 1955 membuktikan bahawa penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara kita melalui Parti Perikatan yang seterusnya mempercepatkan kemerdekaan negara kita.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196

18 C

Ulasan: Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. Kabinet pertama ini memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri. Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri dan berkuasa menubuhkan kabinetnya sendiri bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar. Kabinet tahun 1955 ini dibarisi oleh 10 orang Menteri dan turut dianggotai oleh tiga orang pegawai British yang memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan. Wakil pemimpin tempatan dipilih untuk mentadbir negara melalui pembentukan kabinet yang pertama ini.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206

19 C

Ulasan: Terdapat 7 isu yang menjadi terma rujukan dalam Suruhanjaya Perlembagaan. Antaranya ialah, memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu dengan mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Rajaraja Melayu.; Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan; Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu; Melindungi kedudukan Rajaraja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing; Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu; Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu; dan Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220

20 A

Ulasan: Merdeka membawa erti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. Merdeka juga bererti bebas menentukan pemerintahan sendiri dan hala tuju negara. Oleh itu, sebagai rakyat dalam sebuah negara yang merdeka, kita perlu sentiasa bersedia membebaskan diri daripada pengaruh kuasa asing yang negatif.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234

21 B

Ulasan: Kerajaan melaksanakan darurat kerana berlakunya kecemasan atau apabila keadaan negara diancam bahaya. Darurat dilaksanakan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Hal ini bagi memastikan keharmonian rakyat dapat dipelihara.

KBAT

22 A

Ulasan: Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4

23 D

Ulasan: *Charter of Justice* diperkenalkan di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 24

24 D

Ulasan: Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa. Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30

25 A

Ulasan: Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara. Ciri demokrasi seperti amalan pilihan raya, jaminan kepada kebebasan asasi serta pembahagian kuasa pada peringkat Persekutuan dan negeri dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai rakyat dalam sebuah negara demokrasi, kita sewajarnya memahami kepentingan pilihan raya yang memberikan mandat untuk membentuk kerajaan. Warganegara yang layak

mengundi perlu menunaikan hak dan tanggungjawab melalui pilihan raya untuk memilih pemimpin berwibawa bagi mencorakkan pemerintahan demi kemakmuran negara.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 50

26 C

Ulasan: Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu. Berikutan peluasan pengaruh British, sebuah Persekutuan yang terdiri daripada empat buah negeri Melayu ditubuhkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895. Persekutuan berkuat kuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai NNMB. Persekutuan tersebut tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Gabungan ini telah memudahkan British menguruskan pentadbiran NNMB.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 66

27 D

Ulasan: Antara tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah termasuklah: Undang-undang dan adat anak negeri; Mahkamah Anak Negeri; dan kereta api di Sabah.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 70

28 A

Ulasan: Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Antara kuasa YDPA dalam perundangan ialah Yang di-Pertuan Agong memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang; Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang. Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah; Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah; dan Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat.

(Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 48-49)

29 D

Ulasan: Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa, iaitu United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan. Laurence Michelmores, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan

di Sarawak dan Sabah. Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 104

30 C

Ulasan: Pelbagai langkah diambil bagi merealisasikan pembentukan Malaysia. Langkah ini melibatkan semua pihak sama ada pemimpin mahupun rakyat. Sikap toleransi yang ditunjukkan perlu diamalkan oleh generasi muda bagi menjamin kesejahteraan negara.

Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 102

31 B

Ulasan: Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga. Keputusan pilihan raya menyebabkan berlakunya ketegangan antara penyokong parti politik yang memprovokasikan keadaan. Situasi ini mencetuskan rusuhan antara kaum di negara kita. Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 merupakan sebab utama tercetusnya peristiwa ini. Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya. Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen. Parti yang bertanding telah berkempen menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan untuk mendapat sokongan daripada pengundi. Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 129

32 B

Ulasan: Antara tanggungjawab MAGERAN termasuklah: Mengembalikan keamanan dan undang-undang; Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara; Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara; Menggantungkan sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang; Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948; dan Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.

Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 130

- 33 D**
Ulasan: Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program seperti Citrawarna Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum dan budaya. Program ini mula dianjurkan pada tahun 1999 yang merupakan promosi pelancongan. Antara program yang dijalankan termasuklah memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia. Program Citrawarna diadakan di Dataran Merdeka pada bulan Mei setiap tahun dengan melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 153*
- 34 B**
Ulasan: Antara persamaan KBSR dan KBSM adalah Antaranya murid dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan menguasai pelbagai bidang kemahiran seperti bidang komunikasi, bidang kemanusiaan dan alam sekitar serta bidang perkembangan diri individu. Hal ini bertujuan untuk melahirkan generasi yang berilmu, berkemahiran dan berilmu.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 146*
- 35 A**
Ulasan: Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata. Rancangan Malaysia Kedua (1971–1975) dan Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980) bertujuan untuk membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum. Di samping itu, menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Hal ini dapat menyeimbangkan sosioekonomi rakyat di negara ini.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 167*
- 36 C**
Ulasan: Dasar penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada bulan Mac 1983. Dasar ini bertujuan meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barangan. Penswastaan mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal oleh sektor swasta.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 178*
- 37 B**
Ulasan: Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) merupakan program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit. Hal ini dapat meningkatkan dan memperluaskan tanaman komersil.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 171*
- 38 A**
Ulasan: Pelibatan Malaysia dalam OIC jelas kelihatan sewaktu menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq. Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization-PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Negara kita menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka. Tindakan Malaysia ini telah dipandang tinggi dalam kalangan negara Islam dan juga seluruh dunia.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 216, KBAT*
- 39 D**
Ulasan: Dasar luar Malaysia terus diperkukuh selepas kemerdekaan. Wisma Putra memainkan peranan penting dalam mencorakkan dan menggubal dasar luar yang mampu memberikan faedah kepada negara serta mengekalkan kedaulatan negara. Pelibatan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan pada peringkat serantau dan antarabangsa menjadi platform kepada negara kita menyuarakan pandangan dalam pelbagai aspek. Pandangan ini meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik terutamanya isu yang mempunyai kaitan serta kepentingan kepada Malaysia.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 217*
- 40 D**
Ulasan: Isu pencemaran alam sekitar merupakan salah satu isu yang mencetuskan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Sidang Kemuncak Bumi ini dianjurkan oleh PBB. Malaysia menunjukkan kesungguhan dalam memulihara alam sekitar dengan menyertai sidang ini.
- Rujukan Buku Teks Ting 5 m.s. 239*

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
<p>1(a)</p> <p style="background-color: #f4cccc; padding: 2px;">Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34-35</p>	F1 Peranan agama	1
	F2 Penulisan kreatif	1
	F3 Media cetak	1
	F4 Sistem pendidikan	1
	F5 Kemunculan golongan intelektual	1
	F6 Pengaruh luar dan serantau	1
	<p>Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20.</p> <p style="text-align: right;">[<i>Mana-mana 2 × 1m</i>]</p>	[<i>Maksimum: 2 markah</i>]
<p>1(b)</p> <p style="background-color: #f4cccc; padding: 2px;">Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34-35</p>	<p>Peranan Agama</p> <p>F1 Pelajar melanjutkan pelajaran di Mesir terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah di Mesir</p> <p>F2 Pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani /Sheikh Muhammad Abduh /Rashid Rida</p> <p>F3 Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar</p> <p>F4 Berpandukan al-Quran dan hadis</p> <p>F5 Menentang imperialisme Barat di negara Islam</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>Media cetak</p> <p>F6 Akhbar /Majalah menjadi penyalur maklumat dan penyebar berita</p> <p>F7 Jawi Peranakan menegur campur tangan British dalam soal agama Islam /isu bahasa Melayu di Singapura</p> <p>F8 Al-Imam/Neracha/Pengasuh memuatkan idea pembaharuan</p> <p>F9 Fajar Sarawak diterbitkan sebagai wadah mengkritik dasar pemerintahan Brooke yang mengabaikan hak bumiputera Sarawak</p> <p>F10 Akhbar Sekola Melayu digunakan untuk bahan bacaan di sekolah Melayu</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>Penulisan Kreatif</p> <p>F11 Novel /cerpen /puisi tokoh nasionalis</p> <p>F12 Mengungkapkan keperitan hidup bangsa yang dijajah /penderitaan rakyat</p> <p>F13 Menaikkan semangat rakyat memahami realiti hidup yang dijajah</p> <p>F14 Menyindir penjajah /mengingatkan anak bangsa kepentingan menikmati kebebasan</p> <p>F15 Contohnya novel Melor Kuala Lumpur /cerpen Cerita Awang Putat /Putera Gunung Tahan/AnakMat Lela Gila</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>Pengaruh luar dan serantau</p> <p>F16 Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar</p> <p>F17 Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar Pengaruh Gerakan Islah di Mesir menggesa umat</p> <p>F18 Islam melakukan pembaharuan yang progresif</p> <p>F19 Kemunculan Jepun menewaskan Rusia</p> <p>F20 Menyedarkan penduduk tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka</p> <p>F21 Gerakan Revolusi China turut menimbulkan kesedaran nasionalisme</p> <p>F22 Idea perjuangan Mahatma Ghandi di India menentang British tanpa kekerasan menjadi inspirasi</p> <p>F23 Perjuangan Jose Rizal di Filipina</p> <p>F24 Soekarno di Indonesia menyemarakkan usaha menentang penjajah di negara kita</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

Soalan	Isi	Markah	
<p>1(c)</p> <p><i>KBAT</i></p>	<p>Sistem pendidikan</p> <p>F25 Pendidikan moden Islam /Penubuhan madrasah meniupkan semangat baharu kepada pelajar pada awal abad ke-20</p> <p>F26 Madrasah al-Attas di Johor bahru /Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang/Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar</p> <p>F27 Menerima idea nasionalisme melalui kunjungan para ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat</p> <p>F28 Pelajar dari Mesir yang pulang menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat</p> <p>F29 Raffles Institution di Singapura /Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)/Maktab Perguruan Sultan Idris melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak mendapatkan pendidikan</p> <p>F30 Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	
	<p>Kemunculan golongan intelektual</p> <p>F31 Lahir golongan intelektual lepasan Timur Tengah /Syed Sheikh al-Hadi</p> <p>F32 Menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat</p> <p>F33 Intelektual lepasan pendidikan Inggeris dan Melayu</p> <p>F34 Abdul Kadir Adabi /Dato' Undang Rembau Abdullah Haji Dahan /Mohammad Eunus Abdullah/Ustaz Abu Bakar Mohd Said /Ibrahim HajiYaakob</p> <p>F35 Menggunakan akhbar /menubuhkan persatuan bersifat sosioekonomi dan politik untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	
	<p>Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan faktor-faktor kemunculan gerakan nasionalisme di 1(a).</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 × 1m]</p>	<p>[Maksimum: 4 markah]</p>	
	<p>F1 Generasi muda sebagai modal insan bakal pemimpin negara</p> <p>F2 Memiliki idea-idea baharu /bernas /berwawasan</p> <p>F3 Lebih kreatif dan inovatif</p> <p>F4 Pemangkin kemajuan negara</p> <p>F5 Pembela tanah air /pewaris bangsa</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	
	<p>Ulasan: Calon dikehendaki untuk memberikan kepentingan semangat cinta akan negara penting kepada generasi muda.</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]</p>	<p>[Maksimum: 4 markah]</p>	
	<p>2(a)</p> <p><i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 114</i></p>	<p>F1 Memenuhi kepentingan British</p> <p>F2 Menggantikan jajahan British</p> <p>F3 Membekalkan bahan mentah</p> <p>F4 Pasaran barangan British</p> <p>F5 Meneruskan dasar British dalam hubungan luar</p> <p>F6 Masalah kewangan SBUB</p> <p>F7 Kekurangan dana</p> <p>F8 Pemulihan prasarana memerlukan kos yang besar</p> <p>F9 British menguasai pertahanan Sabah</p> <p>Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua sebab Sabah diserahkan kepada British.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
		<p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 × 1m]</p>	<p>[Maksimum: 2 markah]</p>

Soalan	Isi	Markah	
3(b) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69-70	F1 Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan	1	
	F2 Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan	1	
	F3 Mewujudkan kerajaan Persekutuan yang lebih kuat	1	
	F4 Menjamin kestabilan negara	1	
	F5 Menjamin kemajuan negara	1	
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.		
	[<i>Mana-mana 3 × 1m</i>]	[Maksimum: 3 markah]	
	3(c)		
	F1 Memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat	1	
	F2 Menyediakan perkhidmatan pembersihan	1	
F3 Mengeluarkan lesen /kawalan penjaja	1		
F4 Membangunkan perumahan awam	1		
F5 Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan	1		
F6 Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat	1		
F7 Menyediakan perkhidmatan kecemasan	1		
F8 Menyediakan kemudahan awam	1		
F9 Menyenggara jalan raya	1		
F10 Menyenggara sistem saliran	1		
F11 Mengindahkan kawasan	1		
F12 Menjaga kesihatan awam	1		
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan peranan Kerajaan Tempatan dalam menentukan kesejahteraan rakyat.			
[<i>Mana-mana jawapan munasabah</i>] [<i>Mana-mana 4 × 1m</i>]	[Maksimum: 4 markah]		
4(a) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148-149	F1 Memastikan kejayaan perjuangan komunis	1	
	F2 Menggugat keamanan /kestabilan negara	1	
	F3 Mencetuskan huru-hara	1	
	F4 Menghilangkan keyakinan rakyat terhadap British	1	
	F5 Menubuhkan Republik Komunis	1	
	F6 Menggagalkan pembentukan Malaysia	1	
	F7 Gesaan Gerakan Komunis Antarabangsa	1	
	F8 Menyebarkan ideologi komunis	1	
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan sebab komunis melakukan tindakan ancaman keselamatan tersebut.		
	[<i>Mana-mana 2 × 1m</i>]	[Maksimum: 2 markah]	
4(b) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 125	F1 Strategi Counterinsurgency (COIN)	1	
	F2 Usaha keselamatan dan pembangunan	1	
	F3 Memenangi hati dan fikiran rakyat	1	
	F4 Menyokong agenda /dasar kerajaan memerangi komunis	1	
	F5 Kerjasama pasukan keselamatan /ahli politik /agensi kerajaan untuk menjalankan strategi COIN	1	
	F6 Perjanjian Kerjasama Sempadan	1	
	F7 Membanteras komunis membina khemah di luar sempadan negara	1	
	F8 Mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand	1	
	F9 Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand	1	
	F10 Membina pagar sempadan dan operasi bersama	1	
	F11 Perjanjian Hatyai pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand antara PKM, Malaysia dan Thailand	1	
	F12 PKM membubarkan unit bersenjata	1	
	F13 Memusnahkan segala senjata api /bahan letupan / jerangkap samar	1	
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan sebab komunis melakukan tindakan ancaman keselamatan tersebut.		
[<i>Mana-mana jawapan munasabah</i>] [<i>Mana-mana 4 × 1m</i>]	[Maksimum: 4 markah]		

Soalan	Isi	Markah
4(c)	F1 Bebas menyuarakan pendapat	1
KBAT	F2 Mewujudkan situasi menang-menang	1
	F3 Menghormati pendapat orang lain	1
	F4 Mendapat kata sepakat	1
	F5 Tiada penganiayaan	1
	F6 Masalah dapat diselesaikan dengan aman	1
	F7 Tiada pergaduhan /pertelingkahan	1
	F8 Berkerjasama	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan keamanan dan keharmonian kaum bagi menjamin kemakmuran sebuah negara maju.	
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
5(a)	F1 Kemunculan ideologi baharu	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58-59	H1a Fasisme di Itali	1
	H1b Pimpinan Benito Mussolini	1
	H1c Kepentingan negara melebihi kepentingan individu	1
	H1d Nasionalisme melampau termasuk berperang	1
	H1e Meningkatkan imej negara	1
	H1f Itali menjajah Habsyah (Ethiopia)/Albania	1
	H1g Nazisme di Jerman	1
	H1h pimpinan Adolf Hitler	1
	H1i Membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933	1
	H1j Mengagungkan bangsa Jerman	1
	H1k Memulihkan bangsa Jerman	1
	H1l Mengenehkan Perjanjian Versailles	1
	H1m Membina angkatan tentera semula	1
	H1n Menduduki Rhineland semula	1
	F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles	1
	H2a Jerman anggap Perjanjian Versailles tidak adil	1
	H2b Menjejaskan kedaulatan negara Jerman	1
	H2c Jerman kehilangan tanah jajahan	1
	H2d Terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi	1
	H2e Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk	1
H2f Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu	1	
H2g Mengurangkan saiz angkatan tentera	1	
F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa	1	
F3a Liga Bangsa-Bangsa gagal menguatkuasakan perjanjian perlucutan senjata	1	
H3b Gagal menangani krisis pencerobohan selepas Perang Dunia Pertama	1	
H3c Dunia terdedah kepada konflik berterusan	1	
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.		
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
5(b)	F1 Kerjasama Kuasa Besar	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 62-63	F2 Presiden Amerika Syarikat/Perdana Menteri Britain/Presiden Rusia Joseph Stalin/ Franklin Roosevelt/Winston Churchill	1
	F3 Bertemu untuk membuat keputusan politik/ketenteraan	1
	F4 Melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan Tentera Darat/Udara/Laut	1
	F5 Beroperasi di bawah Komander Tertinggi Bersekutu	1
	F6 Diketuai oleh Amerika Syarikat	1
	F7 Keberkesanan strategi serangan Tentera Bersekutu	1
	F8 Operasi Kod“D-Day”	1
	F9 Tentera Bersekutu mendarat di Normandy, Perancis	1

Soalan	Isi	Markah	
5(c) KBAT	F10 Memperdaya tentera Jerman dalam menyebarkan maklumat	1	
	F11 Meyakinkan tentera Jerman bahawa Tentera Bersekutu mendarat di Calais.	1	
	F12 Meningkatkan semangat Tentera Bersekutu	1	
	F13 Berjaya membebaskan Perancis dan negara Eropah Barat daripada penaklukan Jerman	1	
	F14 Tentera Bersekutu memasuki Jerman dari arah barat	1	
	F15 Rusia menyerang Jerman dari arah timur	1	
	Ulasan: Calon dikehendaki membincangkan mengenai kejayaan kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu yang akhirnya membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.		
		[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	M1 Peperangan menyebabkan banyak kemusnahan	1	
	M2 Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan	1	
	M3 Penduduk kehilangan tempat tinggal	1	
	M4 Pemimpin harus mencapai kata sepakat	1	
	M5 Mencari jalan untuk menamatkan peperangan	1	
	M6 Buang sikap mementingkan diri /ego	1	
	M7 Berusaha membawa keamanan kepada penduduk	1	
Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mesej kepada pemimpin dunia supaya dunia aman dan selamat untuk didiami. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada gambar sebagai mesej yang mahu disampaikan kepada pemimpin.			
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 × 1m]	[Maksimum: 8 markah]	
6(a) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180-181	F1 Membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi persekutuan	1	
	F2 Diluluskan selepas meneliti Laporan Barnes dan Fenn-Wu	1	
	F3 Semua murid pelbagai bangsa disatukan	1	
	F4 Berorientasikan Tanah Melayu	1	
	F5 Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah	1	
	F6 Sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1	
	F7 Sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	1	
	F8 Bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah	1	
	F9 Sekiranya terdapat 15 orang murid	1	
	F10 Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	1	
	F11 Bahasa Melayu wajib diajar di Sekolah Inggeris	1	
	F12 Bahasa Inggeris wajib diajar di sekolah Melayu	1	
Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.			
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]	
6(b) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 181-183	F1 Mencadangkan agar bahasa Inggeris dititikberatkan sebagai bahasa pengantar	1	
	F2 Mewujudkan sekolah menengah berbilang kaum menggunakan bahasa pengantar	1	
	F3 Menyeragamkan sukatan pelajaran/peperiksaan	1	
	F4 Memperkenalkan buku teks berlatarbelakangkan unsur tempatan	1	
	F5 Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah	1	
	F6 Membentuk perasaan kekitaan/taat setia dalam kalangan penduduk berbilang kaum di Sarawak	1	
	F7 Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah Cina di Sabah	1	
	F8 Memastikan bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu dan bahasa Melayu diajar di sekolah Inggeris	1	
	F9 Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah dikendalikan dalam bahasa Inggeris	1	

Soalan	Isi	Markah
6(c) KBAT	F10 Melahirkan perasaan kebersamaan dalam kalangan kaum di Sabah	1
	F11 Menyeragamkan kurikulum dan peperiksaan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mengenai Laporan Woodhead 1955 yang mencadangkan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah diperkasakan. [Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	M1 Kerajaan mengambil pelbagai langkah memperkenalkan pendekatan yang lebih sesuai	1
	M2 Ini menjadikan rakyat negara setanding dengan negara maju	1
	M3 Pendekatan inovatif yang lebih sesuai diperkenalkan sesuai dengan perubahan masa	1
	M4 Merangkumi kaedah pengajaran baharu yang berpusat kepada pelajar	1
	M5 Supaya dapat melahirkan pelajar yang lebih berkeyakinan	1
	M6 Malaysia perlu bergerak selangkah ke hadapan	1
	M7 Perlu mendepani segala cabaran mentransformasikan sistem sedia ada	1
M8 Agar generasi masa depan lebih efektif	1	
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan sebagai jawapan. Calon juga dikehendaki memberikan ulasan calon terhadap petikan tersebut. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 × 1m]	[Maksimum: 8 markah]
7(a) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28-29	(i) F1 Negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja /Kesultanan	1
	F2 Sultan pemerintah berdaulat /memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1
	F3 Konsep demokrasi berperlimen dilaksanakan selepas negara mencapai kemerdekaan	1
	F4 Pemerintahan beraja diteruskan	1
	F5 Kuasa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) diperuntukkan melalui perlembagaan	1
	F6 Kuasa YDPA termasuklah kuasa mengampun /menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah	1
	F7 Membuat pelantikan bagi jawatan utama negara	1
	F8 Di peringkat negeri, Raja merupakan ketua negeri	1
	F9 Raja mempunyai kuasa eksekutif melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri	1
	F10 Mempunyai kuasa mengampun /menangguhkan hukuman	1
	F11 Mengurniakan anugerah /penghormatan /bintang kehormat kepada individu terpilih	1
	F12 Raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan hak dan kedaulatan raja / adat istiadat orang Melayu /agama Islam	1
	F13 Agama Islam bagi negeri Melayu terletak bawah kuasa raja di negeri masing-masing	1
	F14 Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan	1
	F15 Menjadi lingua franca /berperanan sebagai bahasa ilmu	1
	F16 Kedudukan orang Melayu /bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan [Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	(ii) F1 Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan	1
	F2 Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu	1
	F3 Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi	1
	F4 Kewarganegaraan Persekutuan diperkenalkan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	1
	F5 Kemerdekaan Tanah Melayu/pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya	1
	F6 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi berparlimen	1
	F7 Asas demokrasi ialah pilihan raya untuk memilih wakil pemimpin /menubuhkan kerajaan	1
	F8 Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan bagi menentukan pilihan raya berjalan dengan adil	1

Soalan	Isi	Markah
7(b) KBAT	F9 Pilihan Raya Persekutuan membentuk Kerajaan Persekutuan	1
	F10 Pilihan Raya Negeri membentuk Kerajaan Negeri	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan ciri moden Perlembagaan Persekutuan. [Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	M1 Ketidapatuhan undang-undang boleh menyebabkan huru-hara	1
	U1 Keselamatan negara tergugat	1
	U2 Memberi peluang kepada anasir jahat untuk memusnahkan negara	1
	M2 Menyukarkan proses pemulihan	1
	M3 Kita perlu mengikut undang-undang dan peraturan.	1
	U3 Ini bagi memastikan pentadbiran negara dapat berjalan lancar	1
	U4 Negara dapat mengekalkan kedaulatan	1
	U5 Tiada campur tangan dari negara lain	1
	M4 Rakyat, Raja dan pemerintahan dapat dilindungi	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan memberikan ulasan yang berkaitan dengan petikan bagi mendapat markah penuh. Calon perlu menggunakan dan mengolah maklumat yang calon perolehi serta menambah jawapan sendiri. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 × 1m]	[Maksimum: 8 markah]
	8(a) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 150-151	F1 Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
F2 Menjadi tunjang Dasar Kebudayaan Kebangsaan		1
F3 Unsur kebudayaan lain yang sesuai wajar diterima sebagai elemen penting		1
F4 Islam menjadi unsur penting		1
F5 Mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan		1
F6 Menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti warganegara Malaysia		1
F7 Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan		1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan prinsip utama yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [Mana-mana 6 × 1m]		[Maksimum: 6 markah]
8(b) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148-149	F1 Akta Bahasa Kebangsaan dilaksanakan	1
	F2 Dikenali sebagai Akta 32	1
	F3 Digubal di bawah perkara 152 Perlembagaan Persekutuan	1
	F4 Dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971	1
	F5 Bahasa rasmi pentadbiran	1
	F6 Penggerak jentera pentadbiran negara	1
	F7 Alat komunikasi rasmi dalam urusan di kementerian /jabatan	1
	F8 Digunakan dalam urusan makamah pada tahun 1990	1
	F9 Memperkasakan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan	1
	F10 Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar	1
	F11 Sekolah Alam Shah /Kolej Sultan Abdul Halim /Sekolah Seri Puteri	1
	F12 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1
	F13 Memperkenalkan pelbagai jurusan dalam bahasa Melayu	1
	F14 Penubuhan Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) / Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA)	1
	F15 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	1
	F16 Mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera sebagai medium memupuk perpaduan	1
	F17 Penerbitan buku dan majalah /risalah	1
	F18 Menganjurkan seminar dan bengkel /aktiviti sempena Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan	1
	F19 'Slogan Bahasa Jiwa Bangsa' memperkukuh perpaduan	1
Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan langkah memartabatkan bahasa Melayu. [Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]	

Soalan	Isi	Markah
	F8 Faktor demografi	1
	H8a Rakyat pelbagai kaum /agama/budaya/hak asasi manusia	1
	H8b Menentang dasar Apartied di Afrika Selatan	1
	F9 Faktor politik	1
	H9a Mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen	1
	H9b Bebas tentukan hala tuju negara	1
	F10 Faktor keselamatan /pertahanan /keamanan	1
	H10a Halang ancaman komunis /konfrontasi Indonesia/pertelingkahan pembentukan Malaysia /pelarian Vietnam dan Kemboja	1
	H10b Perjanjian AMDA/ZOPFAN /EPDA	1
	F11 Dipengaruhi ikatan keagamaan	1
	H11a Hubungan dengan negara Islam	1
	H11b Menyokong perjuangan rakyat Palestin	1
	H11c Tidak jalin hubungan dengan Israel	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan faktor penggubalan Dasar Luar Malaysia. [<i>Mana-mana 8 × 1m</i>]	[<i>Maksimum: 8 markah</i>]
9(c)	Maklumat	
KBAT	M1 Sebanyak 42 tan barangan bantuan kemanusiaan untuk Syria sumbangan rakyat Malaysia	1
	M2 Bantuan membuktikan keprihatinan rakyat Malaysia	1
	M3 Pelbagai barangan keperluan disediakan untuk rakyat Syria	1
	M4 Seperti makanan siap sedia /keperluan bayi /ubat-ubatan /generator /pakaian /selimaut /kelengkapan perlindungan diri /khemah /karpit/pemisah ruangan	1
	M5 Rakyat Malaysia yang menghulurkan bantuan diberikan ucapan penghargaan	1
	M6 Atas usaha mereka membantu mangsa	1
	M7 Agensi kerajaan dan NGO telah berkerjasama dengan erat	1
	M8 Bagi memastikan usaha pengumpulan dan penghantaran berjalan lancar dan teratur	1
	Kepentingan	
	K1 Kestabilan negara terpelihara	1
	K2 Dapat bekerjasama dalam pelbagai bidang	1
	K3 Negara dapat berkembang pesat	1
	K4 Negara dapat menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain	1
	K5 Boleh mencapai pelbagai kemajuan dalam pelbagai bidang	1
	K6 Imej negara meningkat	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan menjelaskan kepentingan mewujudkan hubungan harmoni dengan negara lain. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon perolehi dan memberikan jawapan sendiri. [<i>Mana-mana jawapan munasabah</i>] [<i>Mana-mana 8 × 1m</i>]	[<i>Maksimum: 8 markah</i>]